

# Mahathir arah setiap pekan adakan kawasan tanaman pokok

UM 9 MAY 1985

**K**UALA LUMPUR 8 Mei - Setiap pekan di negara ini telah diarahkan supaya mengkhaskan satu kawasan untuk menanam pokok-pokok dan tanaman-tanaman untuk memastikan pekan-pekan itu tidak menjadi "hutan batu bata", tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedang mengalami proses industrialisasi yang pesat dan banyak pokok dan tanaman akan hilang sekiranya tidak dipelihara.

"Walaupun peruntukan kawasan untuk tanaman seperti itu tidak membawa keuntungan kepada pemilik tanah yang mungkin boleh mendirikan bangunan-bangunan, tetapi kawasan itu perlu untuk mengekalkan jenis-jenis tumbuhan supaya ia tidak hilang pada masa akan datang," tambahnya.

Semasa merasmikan pembukaan serentak Muzium Kraf Antarabangsa dan Taman Karyaneka di Perkampungan Karyaneka di Jalan Raja Culan di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak ingin melihat kota Kuala Lumpur menjadi "hutan batu bata" yang tidak mempunyai keperibadian.

Sebab itulah, katanya, Taman Karyaneka yang ditanami dengan lebih 400 jenis pokok dan tumbuhan diadakan di Perkampungan Karyaneka.

"Kemudahan taman seperti itu yang ditambah dengan pertunjukan kebu-

dayaan dan kegiatan-kegiatan lain akan membantu kita mengurangkan tekanan hidup kita," tambahnya.

Menurutnya, pada mulanya beliau bercadang tidak mahu hadir di majlis perasmian Muzium dan Taman Karyaneka petang ini dan meminta isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah merasmikannya.

Bagaimanapun, jelas beliau, oleh kerana minatnya yang mendalam terhadap projek itu, beliau datang juga.

Katanya, ramai orang berpendapat bahawa Perkampungan Karyaneka di Jalan Raja Culan sekarang merupakan pembaziran tanah di ibu kota dan sepatutnya sebuah pencakar langit didirikan di situ.

"Tetapi adalah membosankan sekiranya ibu kota ini dipenuhi dengan bangunan-bangunan konkrit yang

tidak melembutkan pemandangan kita. Oleh itu, perlulah kita memperkayakan kebudayaan kita menerusi projek-projek seperti ini," tambahnya.

Mengenai kraftangan, Perdana Menteri yang melawat negara-negara Scandinavia baru-baru ini berkata beliau mendapati kraftangan luar negeri mengekalkan ciri-ciri lama tetapi disesuaikan dengan kehendak zaman moden.

Menurut beliau, perubahan daripada segi penghasilan di samping mengekalkan ciri-ciri lama itulah kraftangan asing mendapat pasaran dunia.

"Kita di Malaysia pula memang mempunyai kebolehan (untuk menghasilkan kraftangan yang bermutu), tetapi cara kita bekerja belum begitu tersusun."

"Sebenarnya penghasilan kraftangan adalah satu pe-

rusahaan dan cara kerja hendaklah disusun serta mengikut disiplin. Kraftangan bukanlah boleh dihasilkan sambil lewa tanpa disiplin," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, kraftangan hendaklah dihasilkan menurut jadual dan rekabentuknya yang ditetapkan dan hanya dengan cara itu dapat pengusahanya menyumbangkan kepada perusahaan negara.

Katanya lagi, Malaysia kekurangan rekabentuk kraftangan dan dengan itu bantuan daripada pakar-pakar rekabentuk luar negeri boleh diperolehi.

Menurut beliau lagi, pakar-pakar rekabentuk dari Kumpulan Ornamo di Finland telah bersetuju untuk membantu industri kecil Malaysia supaya kraftangannya nanti sesuai dengan selera pasaran dunia.